

Abdullah harus serang Mahathir!

SEMUANYA sudah bermula dan sudah pun terdedah. Bahawa ada sesuatu yang bukan kecil, tetapi besar yang tidak kena (berlaku) di antara bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dengan penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Dikatakan sesuatu itu besar, kalau kecil masakan ia menjadi riuh rendah dan merebak begitu meluas sekali sehingga Ketua Penerangan Umno bercadang untuk menjelajahi ke seluruh negara menjelaskan isu berkenaan. Apa yang tidak kena itu nampaknya serius dan bukan main-main.

Nasib baik Abdullah tidak seperti Dr Mahathir, tidak mudah melenting dan tenang. Di sinilah kelebihan Abdullah yang terdidik dengan didikan agama (Islam Hadhari)? Meskipun pun ada orang mengatakan ketenangan itu (*elegan silent istilah Tun Musa Hitam*), sebagai menggambarkan beliau terkapai-kepali di dalam persoalan ini, namun yang pastinya Abdullah dapat menghadapinya dengan releks.

Sama ada releks itu kerana beliau tidak mempunyai jawapan tepat untuk merungkit segala persoalan yang dibangkit Mahathir ataupun sebaliknya, namun yang jelas sikap Abdullah memberi imbasan ianya sukar untuk usik oleh Mahathir. Provokasi Mahathir kepada Abdullah tidak dilayan secukupnya.

Bagi menggambarkan pertelingkahan di antara kedua itu serius dan teruk, seorang demi seorang panglima Umno bangkit membela dan mempertahankan Abdullah. Sudah menjadi tradisi di dalam Umno dan amnya politik, kalau ketua mereka sempuk ataupun kena kritik mereka akan bangun mengubati dan membelanya habis-habisan sehinggakan ada yang sanggup mengorbankan nyawa demi mempertahankan idola (ketua) mereka.

Apalagi dalam politik 'ampuisme' seperti di dalam Umno maka menjadi-jadilah pembelaan alias mempamirkan belang dan menimbulkan balung terlindung itu. Apa yang dihadapi Abdullah kini samalah dengan apa yang menimpa Mahathir tidak lama dahulu. Apabila Mahathir berkonfrontasi dengan institusi raja-raja Melayu sekitar tahun 80-an atau menghadapi saat-saat genting di dalam Umno seperti ketika memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim, maka seorang demi seorang akan bangkit membelanya.

Semua fraksi di dalam Umno, serta individu berkepentingan ketika itu memberi pandangan kononnya tindakan Mahathir itu tepat dan betul. Walaupun ada beberapa orang yang mulanya cuba menunjukkan belang dan balungnya hendak melawan Mahathir, namun akhirnya mereka surut ke belakang kemudian menjadi pemuja Mahathir semula selepas mereka diugut dan ditekan atau dikawal kepentingan mereka.

Seolah para pembela Mahathir ketika itu orang yang sanggup mati bersamanya.

Waima Abdullah maupun Mahathir mereka perlu ingat, di dalam kloni Umno ampu mengampu, bodek membodek, tikam menikam dan 'tengkis menengkis' sudah menjadi budaya dan tradisi. Selain itu banyak manusia yang bersifat menanam tebu di bibir, di hadapan menyatakan pujian dan sanjungan tapi di belakang, mencaci tidak mengenang budi Tuhan sahaja yang tahu. Kerja menikam dari belakang seperti mana kata Mahathir selalu berlaku di dalam parti kebangsaan itu.

Dengan apa yang berlaku kini, Abdullah kena hati-hati dan berwaspada serta pandai menilai riak air di tasik tenang. Pengalaman dan sejarah lampau yang dilalui Anwar Ibrahim dan juga Mahathir atau bekas-bekas pemimpin sebelum ini seperti Pak Ghafar Baba, patut dijadikan iktibar dan azimat. Betapa Anwar ketika berada di takhta kekuasaan beliau disanjung dan dipuja. Tidak ada secalit pun kecacatan Anwar yang dipamirkan dan setiap keburukan Anwar dilindungi

sebaik mungkin. Hatta pada setengah pentaksubnya kalau terbau kentut Anwar segera diwangikan dengan segala macam aroma.

Tetapi apa jadi sesudah kuasanya ditarik dan kemegahannya sudah tidak ada lagi. Habis lari lintang pukang segala orang dan *species* yang dulunya siang dan malam memuja beliau. Mereka yang selama ini kenyang dan lena di bawah ketiak naungannya juga turut sama panas punggung dan lari menyelamatkan harta yang sedikit sebanyak diperolehi hasil daripada bantuan Anwar.

Sejarah dan pengalaman itu wajar diingati oleh Abdullah. Dunia ini bulat dan setiap peristiwa dan tragedi bergerak dari satu arah ke satu arah. Tragedi itu sudah bergerak merempuh Anwar, kini ia sedang merempuh bekas Perdana Menteri dan tidak mustahil selepas ini ia adalah giliran Abdullah pula untuk digilis oleh gelombang atau sindrom itu.



MAHATHIR MOHAMAD

Selama masa berada di tempat yang selesa, mempunyai kuasa pinjaman, elok benar Abdullah memerhati dan mengambil berat. Mempersiapkan diri agar diri tidak mudah terjelapak di dalam kancang dan permainan politik busuk orang-orang Umno. Terlalu mempercayai dan tidur di dalam perut para pembelanya adalah satu kekhilafan besar bagi Perdana Menteri itu.

Abdullah kena ingat dan insaf bahawa pengakuan dan sokongan para pahlawan bermusim itu tidak boleh dijadikan pegangan ampuh. Abdullah tidak seharusnya merasa selesa dengan segala pujian dan kenyataan sokongan itu. Ia hanya sebagai angin saja di mana hari ini mereka boleh melaung tetapi esok belum tentu lagi. Kita akan dipuji selagi ada kuasa dan kedudukan. Kehebatan dan keagungan akan sekelip mata bertukar menjadi kebencian dan kejelekan bila sudah tidak mempunyai kuasa. Sokongan padu selama ini juga boleh pecah hancur berkecai!

Para pelayang itu akan terus melaung kalau mereka merasakan diri dan kedudukan mereka selamat dan mendapat sedikit upah untuk perut mereka. Apa akan jadi kalau mereka sudah merasakan kedudukan mereka sudah tidak selamat lagi. Mereka akan berpaling tadah dalam masa yang singkat sahaja, dan akan bertukar pengkalan untuk bersilat menjadi panglima cangkul membela wira lain pula.

Dalam hal ini Abdullah harus bijaksana dan cermat menilai apakah maksud serangan dan kritikan pedas yang ditimbulkan Mahathir itu. Yang jelas Mahathir tidak akan berhenti, beliau ada agenda tersendiri kenapa menimbulkan persoalan itu. Dalam hal ini jawaban terhadap persoalan itu bukan sangat diingini Mahathir daripada Abdullah. Sebagai orang yang pernah mewarisi takhta, beliau tahu akan segala permainan 'dang din dung' itu semua. Tanpa soal pun Mahathir boleh menjawabnya kerana persoalan seperti itu sudah lama berputar pada dirinya.

Apa yang beliau maksudkan ialah beliau mahu menganggu Abdullah. Ada mesej lain yang lebih mendalam daripada apa yang dikemukakan itu. Kalau tidak ada mengadakan masakan tempua bersarang rendah. Memahami akan persoalan ini, maka usahlah ada pihak untuk mendamaikan mereka berdua kerana ikhtiar berwajah bodekan itu akan sia-sia saja. Membawa Abdullah dan Mahathir berada dalam satu bilik samalah usaha membawa kuda ke sungai. Kita boleh membawa haiwan itu, tetapi tidak boleh memaksanya untuk minum.

Sebalik dan paling afdal Abdullah kena mengawasi dan waspada dan bersedia untuk bukan saja mengelak serangan dan kritikan Mahathir sebalik perlu menjawab dan menyerang balik secara mendada. Ianya tidak boleh selesai secara diam kerana demikianlah resminya politik.